

**Malaysia-Jepun Meterai Kerjasama Dalam Bidang Pendidikan Tinggi  
Bernama  
06 Julai, 2012**

SEPANG, 6 Julai (Bernama) -- Malaysia Jumaat memeterai kerjasama strategik dengan Jepun bagi mengembangkan aktiviti pendidikan tinggi antara kedua-dua negara.

Jalinan kerjasama itu disempurnakan menerusi perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun, Hirofumi Hirano.

Menurut kenyataan Kementerian Pengajian Tinggi, MoU itu adalah bagi menggalakkan kerjasama teknikal dalam beberapa bidang termasuk pertukaran kepakaran tenaga pengajar, maklumat mengenai sistem dan sktruktur pendidikan tinggi serta teknologi baharu pendidikan.

"Kerajaan Malaysia berharap perjanjian itu akan menjadi simbol kepada hubungan dua hala yang erat dan kukuh dan mencerminkan rakan perkongsian lama antara kedua-dua kerajaan dalam bidang latihan dan pendidikan tinggi," menurut kenyataan itu.

Terdahulu, kedua-dua menteri berkenaan mengadakan mesyuarat dua hala tertutup selama 30 minit di sebuah hotel di sini sejurus Hirano tiba untuk lawatan dua hari ke Malaysia sempena ulang tahun ke-30 Dasar Pandang Ke Timur oleh Malaysia.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678623>